

Orang Islam Yang Terkemuka

Dār al- Islām

Pada zaman yang akhir ini, kata-kata “*Dār al- Islām*” banyak sekali diperkatakan orang. Tetapi apa dia “*Dār al- Islām*” itu bagaimana asal mulanya dan kedudukannya di dalam Islam?

Makalah ini, yang kita Melayukan dari buah kalam Almarhum al-‘Allāmah al-Sayyid Muhammad Rashid Rida, memberi jawapan yang sejelas-jelasnya bagi pertanyaan-pertanyaan itu. Dengan ini juga dapatlah hendaknya diperhatikan oleh mereka yang berpendapat bahawa Islam adalah boleh dipisahkan daripada siasah bernegara – P.Q

Telah lazim menurut istilah alim ulama Islam menamakan negeri yang terletak dalam pemerintahan Islam dan yang berjalan di dalamnya hukum-hukum syariat Islam, dengan nama: “*Dār al-Islām*” (Negara Islam) dan “*Dār al-‘Adl*” (Negara Keadilan), kerana keadilan diwajibkan berlaku di dalamnya sehingga meliputi sekalian penduduknya. Mereka juga menamakan negara yang berlawanan dengannya (yang bukan Islam) dengan nama “*Dār al-Ḥarb*” (Negara Peperangan). Tiap-tiap satunya mempunyai hukum-hukum yang terbentang di dalam kitab-kitab Islam. Orang-orang negara “*Dār al-Ḥarb*” itu dinamakan “*al-Ḥarbiyyīn*” (kafir *Ḥarbiyy*) kalau mereka memusuhi dan memerangi orang Islam, dan “*al-Mu’āhidīn*” (kafir *Mu’āhid*, yakni yang berikat janji setia dengan orang Islam) kalau kedua-dua puak itu – Islam dan Kafir – mengikat perjanjian mengenai soal-soal perdamaian, kebebasan berhubung dalam perniagaan, dan lain-lainnya.

Kalau sepuak orang Islam (rakyat negara Islam) bangun menderhaka kepada *Khalīfah al-Muslimīn* maka mereka dinamakan “*al-Bughāh*” (puak penceroboh), kalau pula mereka mendirikan pemerintahan dan dapat mengalahkan sebahagian dari negara itu maka mereka dinamakan “*al-Mutaghlibīn*”¹ (puak yang menang dengan secara yang tidak halal). Dalam keadaan yang

demikian, *Dār al-Islām* itu dinamakan “*Dār al-‘Adl*” dan tiap-tiap satunya mempunyai hukum-hukumnya. Maka sekarang di mana dia “*Dār al-Islām*”?

Perjuangan Jihad

Sudah maklum bahawa puak kafir *Ḥarbiyy* itu, apabila mereka menyerang negara Islam (*Dār al-Islām*) dan menduduki sebahagian dari kawasannya, maka pada ketika itu menjadi fardu ain atas orang-orang Islam bangun memerangi musuh yang menceroboh itu. Apabila khalifah atau ketua pemerintahan negara Islam itu mengisytiharkan kerahan raya, maka menjadi wajiblah atas tiap-tiap seorang rakyat mengikut perintah itu sekadar yang ia sanggup menunaikannya dalam perjuangan jihad dengan diri dan hartanya, dan wajib mentaati khalifah atau ketua negara Islam dalam perkara-perkara yang lain daripada itu menurut tingkatan yang lebih aulā, seperti ia mengerah sebahagian dari rakyatnya dengan tidak mengerah sebahagian yang lain, dan mewajibkan supaya sebahagian dari rakyatnya memberikan harta-harta bantuan dengan tidak diwajibkan atas sebahagiannya yang lain, iaitu dengan menurut timbangan yang adil. Cara-cara yang seperti ini itulah yang

¹ Ada perbezaan di antara *al-Mutaghlibīn* dan *al-Mutaghlibīn*. Yang pertama merujuk kepada tirani, kedua merujuk kepada ‘plunderer’ atau mereka yang mengambil kesempatan dalam peperangan. Berdasarkan konteks ayat, kalimah yang kedua lebih sesuai.

sedang diamalkan oleh negara-negara Eropah dan lain-lainnya pada zaman ini.

Ingatan Kepada Alim Ulama

Kita ulangi menyebutkan perkara ini ialah kerana memberi peringatan kepada orang-orang Islam dan yang bukan Islam yang mengetahui hukum-hukum Islam, iaitu bahawa perbuatan mendiamkan diri mengenai masalah ini tidaklah patut dibiarkan berlanjutan sesudah dunia Islam telah bangun seperti lain-lain negeri Timur dan mulai berikhtiar hendak memperbaiki nasibnya dan berleengkap sedia menghadapi zamannya yang akan datang.

Umat Islam Telah Bangun

Umat Islam telah bangun, sedang penyeru iman berseru sahut-menyahut di dalam lubuk hati mereka, memperingatkan mereka dengan perkara-perkara yang telah diwajibkan Allah atas mereka, iaitu mengembalikan semula negara Islam yang luas dan besar itu, dan mendirikan syariat Islam yang adil, serta menghidupkan pertunjuk-pertunjuk Islam yang meliputi, supaya dapat menerangi jalan manusia untuk keluar dari keadaan gelap-gelita fikiran yang sedang merunsingkan, dan untuk keluar dari keadaan masyarakat yang kacau-bilau, dan juga dari pengaruh nafsu syahwat yang menyolok mata, yang telah ditimbulkan oleh fikiran yang berdasarkan kebendaan dan aliran-aliran yang tidak mempercayai wujud Tuhan serta cara pemerintahan Bolshevik, yang menjadi sejahat-jahat natijah yang terbit daripada keduanya. Baki pertunjuk yang ada dalam ajaran Kristian telah lemah daripada menahan rempuhan gelap-gelita ini yang telah meliputi sebesar-besar negaranya, sesudah awan mendung berarak-arak ke sana ke mari dari sekolah-sekolahnya. Maka betapa ajaran Kristian itu dapat melenyapkan awan-awan yang tersebut sesudah awan-awan itu bertambah tebal timpa-menimpa, sedang ajaran Kristian itu sendiri yang menjadi sebab wujudnya?

Islam ialah Agama dan Juga Pemerintahan Negara

Inilah soalnya yang sedang difikirkan oleh bijak pandai Islam pada zaman ini, dan mendapat perhatian juga daripada orang ramai terutama mengenai perkara-perkara yang

penting di dalam Islam. Islam yang dengan sifatnya menjadi agama, ia juga **kekuasaan dan perundangan**, ia juga **suatu pemerintahan yang berdasarkan mesyuarat**, yang dilindungi oleh **undang-undang peperangan yang terhimpun di dalamnya kekuatan, belas kasihan dan keadilan**. Islam yang telah diserang oleh kuasa-kuasa penjajah lalu merampas negeri-negerinya yang makmur dan subur, sesudah itu mereka menyerangnya dalam tempat zahirnya, dalam rumah tempat ia dibela dan dipelihara, dan dalam kubu kekuatannya: Semenanjung Arab, sehingga kecerobohan mereka telah tiba ke tempat pancaran cahayanya, kiblat sembahyangnya, *mashā'ir* ibadatnya dan *Rawḍah* atau Makam Rasulnya Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, iaitu negeri Ḥijjāz (Makkah dan Madīnah) yang telah dipermulia dan dihormati oleh Allah dan Rasul-Nya. Penjajah-penjajah itu telah menguasai jalan kereta api Ḥijjāz di Sūryā² dan Filastīn³ (pada zaman Turki dahulu, ketika makalah ini ditulis – P) dan dengan apa yang mereka hubungkan dengan negeri Sharq al-Urdun (Jordan) dari negeri Ḥijjāz sendiri.

Kesatuan Islam Raya

Penceroboh-penceroboh yang telah mencero bohi negara Islam atau *Dār al-Islām* itu adalah mengitung dengan teliti akan kebangkitan am umat Islam yang bercogankan "*al-Jāmi'ah Islāmiyyah*" atau "Kesatuan Islam Raya" bagi mengembalikan apa yang telah dirampas daripada mereka. Penceroboh-penceroboh itu adalah mengitung dengan teliti akan perhubungan umat Islam dengan kerajaan 'Uthmāniyyah Turki (ketika Turki merupakan sebuah negara Islam dan Sultannya menjadi *Khalīfah al-Muslimīn* – P.). Mereka (kuasa-kuasa penjajah itu) telah mengiktiraf akan jawatan khalifah bagi Sultan Turki tetapi mereka tidak putus-putus memerangi jawatan Khalifah ini dan "Kesatuan Islam Raya" itu dengan segala rupa peperangan jihad yang telah ditetapkan di dalam syariat Islam iaitu: pedang, harta benda dan pena (ilmu pengetahuan) sehinggalah mereka berjaya memalingkan umat-umat Islam daripada *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* atau "Kesatuan Islam Raya" kepada kedua-dua kesatuan yang lain: "Kesatuan Perkauman" dan "Kesatuan Kebangsaan", lalu mereka meruntuhkan lembaga jawatan Khalifah itu dengan tangan orang-orang Turki sendiri, dan mendorongkan bangsa Turki Islam yang terkenal gagah berani, dengan tidak

² Syria

³ Palestin

disedari, kepada memerangi agama Islam sendiri dengan cara yang lebih keras daripada peperangan mereka (kuasa-kuasa penjajah itu) melalui sekolah-sekolah mereka: sekolah-sekolah seruan Kristian dan sekolah-sekolah yang tidak beragama, dan dengan buku-buku, suratkhbar-suratkhbar dan pengaruh-pengaruh mereka. Dengan langkah itu mereka menyangka telah sempurnalah mereka menjajah alam Islami dan tiada tinggal lagi bagi menyempurnakan penjajahan itu melainkan dengan melaksanakan langkah yang akhir sekali iaitu menguasai negeri tempat terpancarnya Islam dan menguasai bangsa dan pembela-pembela Islam yang terdiri daripada kaum Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Inilah yang telah memberanikan mereka bertindak melakukan perkara-perkara yang kita bayangkan tadi, padahal dengan langkah itu mereka telah berlaku salah, dan dalam mencubanya telah berlaku jahat, meskipun pada hakikatnya langkah-langkah mereka yang salah dan jahat itu adalah sebaliknya menguntungkan kita.

Adapun jawatan Khalifah yang dipegang oleh kerajaan ‘Uthmāniyyah Turki itu (yang memang telah diambil dengan jalan yang tidak halal), adalah merupakan suatu jawatan yang hanya pada nama sahaja, dan hanya memperdayakan umat Islam yang bergantung kepadanya, sehingga mereka telah menjadi tidak berhemah untuk bersatu padu dan cara-cara melaksanakannya dengan berdasarkan ilmu dan amal. Kerajaan ‘Uthmāniyyah Turki itu sebenarnya hanya menjadi suatu tembok bagi orang-orang yang bekerja untuk Islam dan untuk kepentingan kerajaan itu sendiri, dengan adanya iktiraf kuasa-kuasa dunia akan hak-haknya dalam dunia *international*, dan dengan adanya kekuatan ketenteraannya. Orang-orang Islam yang bijak pandai – baik dari golongan alim ulama atau ahli-ahli siasah – seperti Imam Muhammad Abduh adalah mengetahui bahawa tembok itu tidak kuat, dan akan runtuh juga tidak lama lagi. Dalam pada itu beliau memandang wajib bekerja dari sebaliknya dengan tidak bersandar atau bergantung harap kepadanya, setelah jelas nyata bahawa tembok itu tidak ada jalan lagi untuk menguatkannya dengan apa cara islah pun (yang bertujuan memperbaikinya). Tetapi kejahilan yang merata itu telah menghalangi daripada berpandu kepada buah fikiran orang-orang Islam yang bijak

pandai ini, yang kami ikut jejaknya di dalam majalah kami “*al-Manār*” dengan lebih berterus terang daripada apa yang mereka pernah jelaskan. Atas apa-apa hal pun, lenyapnya jawatan Khalifah yang dipegang oleh Sultan Turki ‘Uthmāniyyah itu ada faedahnya dan tidak membahayakan kita.

Akan “*al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah*” atau “Kesatuan Islam Raya” itu pula bukanlah suatu perkara yang telah terjadi dengan sebenarnya, malahan sentiasa dihalang-halangi oleh kejahilan yang merebak itu, terutama kejahilan penganjur-penganjur dan orang-orang besar yang memegang teraju pemerintahan, serta tentangan pihak yang menentang. Dalam pada itu “*al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah*” pada zaman ini akan memasuki suatu peringkat baharu dalam peraturan baharu yang sudah pun menyinsing fajarnya di dalam Muktamar Islam yang pertama yang telah bersidang di Makkah al-Mukarramah.

Soal Perkauman dan Aliran Kebangsaan

Demikian pula tentang soal aliran perkauman dan aliran kebangsaan yang telah memecahbelahkan umat-umat Islam ada juga asal dan wujudnya semenjak dahulu seperti adanya perasaan taasub perkauman orang-orang yang bukan Arab bagi bangsa-bangsa mereka, terutama orang-orang Turki yang terkenal salah satu dari dasar siasah mereka ialah membenci bangsa Arab dan menindas hak-haknya, sehinggakan hal itu berlaku di negeri Mesir, negeri yang orang-orang pemegang pemerintahannya terdiri dari orang-orang yang bukan Arab dan yang hanya berjumlah kecil sahaja. Orang-orang Turki berterang-terang membenci orang-orang Mesir dan memanggil mereka dengan panggilan “*fallāh*” (orang dusun atau petani). Panggilan yang menghina ini akhirnya telah menjadi sebab lalu meletuskan pemberontakan yang dipimpin oleh Ahmed Orabi yang berakhir menjadikan Inggeris campur tangan lalu menjajah Mesir. Tetapi ajaran dan pendidikan yang datang dari Eropah telah memberi faedah kepada bangsa-bangsa yang ini sedang bangun, telah memberikan sesuatu kekuatan baharu yang moden untuk berjuang dengannya menentang puak penjajah dengan senjata penjajah itu sendiri, yang secara maknawi, yang tidak akan tumpul dan tidak akan bergencat, iaitulah senjata

bersambung ke muka 35 –

Dār al-Islām

(Sambungan dari muka 14)

Perpaduan bangsa itu sesama sendiri dan perjuangannya tampil menuntut akan haknya yang semulajadi, dalam soal berpemerintahan sendiri, sambil bertolong bantu di antara tiap-tiap puak yang berlainan agama sebagaimana perbuatan bertolong bantu yang dilakukan oleh kaum Hindu terhadap rakan-rakan mereka kaum Islam yang bangun menuntut hak-hak Islam di Palestin.

Soal *Dār al-Islām*

Soal-soal yang penting mengenai perkara-perkara Islam yang sedang dibincangkan oleh bijak pandai Islam dari seluruh dunia Islam pada masa ini ialah soal "*Dār al-Islām*", yang menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam di seluruh alam Islam tampil berjihad dengan diri, harta benda dan tenaga untuk menegakkan dia semula. Saya rasa elok juga saya jelaskan di sini hakikat dan tujuannya.

Sepanjang yang diketahui ada empat faham mengenai "*Dār al-Islām*" ini.

Faham yang Pertama

Faham ini ialah sehampir-hampirnya kepada nas-nas hukum yang telah dijelaskan oleh ulama yang terbanyak, iaitu tiap-tiap negeri yang terletak dalam kekuasaan pemerintahan Islam dan berjalan di dalamnya hukum-hukum syariatnya dan amal ibadatnya maka menjadilah negeri itu dari negara "*Dār al-Islām*", dan menjadi fardu ain atas orang-orang Islam keluar berjihad mempertahankannya apakala negeri itu diserang oleh musuh, dan berdosa orang-orang yang mencuaikan perintah jihad ini. Penjajahan orang asing akan negeri itu tidak dapat menghapuskan fardu ain berjihad yang telah diwajibkan itu untuk mengembalikannya, sekalipun berlanjutan masanya. Menurut faham ini, wajiblah atas umat Islam seluruh dunia menghapuskan kekuasaan kerajaan-kerajaan yang menjajah negeri-negeri Islam dan mengembalikan hukum Islam ke dalam negeri-negeri itu dengan sedaya upaya yang dapat dilaksanakan. Begitu pula kelemahan umat Islam daripada melaksanakannya pada masa ini

tidak dapat menggugurkan kewajipan itu daripada mereka untuk berazam dan menyediakan cara-cara peraturan dan alat kelengkapan kerananya, serta menunggu-nunggu akan peluang untuk bangun berjuang.

"Bulan Bintang" dan "Palang Salib"

Fahaman ini bersesuaian dengan kaedah yang telah dibuat oleh salah seorang menteri Inggeris dalam pertentangan yang berbangkit di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Kristian pada mencapai kemenangan dan merebut kekuasaan, iaitu "apa yang telah diambil oleh "Palang Salib" (Kristian) daripada "Bulan Bintang" (Islam) tidak boleh dikembalikan kepada Bulan Bintang, dan apa yang telah diambil oleh Bulan Bintang daripada Palang Salib wajiblah dikembalikan kepada Palang Salib." Menurut kaedah ini, kaum Yahudi yang menuntut pengembalian kerajaan Israel di Palestin menjalankan tindakannya itu, bahkan mereka tidak berpada dengan pengembalian kerajaan sahaja malah mereka menuntut hendak menjadikan hak milik itu sebagai satu jalan bagi merampas tanah-tanah orang Arab dengan bantuan Inggeris.

Fahaman yang Kedua

Fahaman ini mesifatkan bahawa "*Dār al-Islām*" ialah negeri-negeri yang terletak di dalam pemerintahan *Khalīfah al-Muslimīn* yang bersifat Khalifah Islam yang sebenar-benarnya, iaitulah cara pemerintahan Khalifah-khalifah Berempat (*al-Khulafā' al-Rāshidīn*) dan pemerintahan khalifah-khalifah dari Banī Umayyah dan Banī 'Abbās, dengan tidak termasuk di dalamnya negeri-negeri yang telah dibuka oleh raja-raja dari kaum 'Ajam yang tidak berlaku di dalamnya hukum yang dijalankan oleh *Khalīfah al-Muslimīn* dari kaum Quraysh. Fahaman itu hampir-hampir sama dengan fahaman yang pertama tadi tentang terbasnya daripada keadaan yang maakul, dan ada pula pertelingkahaan dalam alasan-alasan hukum syarak yang dikemukakan olehnya.

Fahaman yang Ketiga

Menurut fahaman ini bahawa "*Dār al-Islām*" yang sebenar-benarnya ialah negeri yang telah dibuka menurut peraturan Islam, dan memelihara dan mengembangkan penyebaran Islam dalam masa peperangannya dan masa amannya, serta menjalankan pemungutan jizyah, cara-cara mengikat perdamaian dan cara-cara

melaksanakan hukum Allah di dalamnya, dan juga meninggikan kalimah-Nya, mendirikan kebenaran dan menjalankan keadilan di antara orang ramai umunya. Cara-cara pemerintahan negara Islam yang demikian sifatnya tidak dapat dijazamkan wujudnya melainkan di dalam negara yang telah dibuka oleh sahabat-sahabat Rasulullah (S.A.W.), kerana kebanyakan ketua-ketua pemerintahan yang timbul kemudian daripada zaman sahabat ialah semata-mata menuntut kekuasaan kerajaan dan bersenang-lenang dengan kebesaran dan kemewahannya. Umat Islam adalah diwajibkan bekerja dan berikhtiar bagi mengembalikan negeri-negeri yang tersebut kepada hukum Islam yang sebenar-benarnya, dan cerdik pandainya tertuntut mengadakan peraturan yang tertentu dan menyerukan orang ramai menjalankannya, serta mengumpulkan wang yang membolehkan mereka bergerak dan bekerja kerananya.

Fahaman yang Keempat

Menurut fahaman ini bahawa “*Dār al-Islām*” itu dua bahagian, yang pertama ialah negeri tempat zahirnya Islam, yang memancarkan cahanya, yang menjadi punca kekuatannya dan yang menjadi watan bagi kaum Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* iaitu Semenanjung Arab. Yang kedua ialah masyarakat yang menimbulkan tamadun Islam dan keadilan syariatnya, dan yang menjadi mata air yang memancarkan kehidupan iktisadnya, iaitulah negeri Sūryā, (meliputi Lubnan, Palestin dan Jordan), Iraq, Mesir dan Afrika Utara. Negeri-negeri ini ialah negeri-negeri yang di dalamnya bahasa Arab, bahasa rasmi Islam, telah berkembang dan subur, sehingga bahasa-bahasa yang lain hilang lenyap disebabkan kebanyakan penduduknya berasal dari keturunan yang telah meleburkan diri di dalamnya semenjak zaman dahulu kala. Ahli-ahli ilmu bangsa-bangsa manusia dan bahasanya tidak menaruh syak lagi tentang bahawa bangsa Fīnīqiyyīn (Phoenician) yang menjadi penduduk pantai-pantai Sūryā dahulukala adalah mereka berasal dari orang Arab tua penduduk pantai pulau Bahrain dan Najd, dan bahawa penyerapan bahasa Arab dengan bahasa Hieroglyphic¹ tua adalah menjadi bukti bahawa orang Mesir tua dan orang Arab adalah berasal dari satu rumpun jika tidak mereka berasal dari dua rumpun yang telah bersatu dan serap-menyerap semenjak beribu-ribu tahun dahulu. Tetapi orang Mesir, perasaan perkauman dan kebangsaan telah

sebuti kepada penganjur-penganjur mereka pada zaman ini, (pada kira-kira tiga puluh tahun yang lalu – P.) maka tidak ada peluang sekarang untuk meminta mereka bekerja dalam suatu urusan siasah bagi mengembalikan “*Dār al-Islām*” setelah jelas bagaimana tentangan mereka terhadap Mukhtar Islam yang bertujuan hendak menegakkan Khalifah Islam semula, yang telah diadakan oleh alim ulama Azhar dan bijak pandai Islam yang lain. Golongan ini (golongan yang memuja-muja kebangsaan yang sempit – P.) janganlah diharap dapat meninggikan Islam. Kitalah – pencinta-pencinta Islam – yang sewajibnya bekerja terus menghidupkan bahasa Islam, ilmu pengetahuannya dan ajaran-ajarannya. Jadi sekarang harapan yang besar itu tertumpu kepada Semenanjung Arab dan yang berhubung dengannya dari negeri-negeri Sūryā dan Iraq.

“*Dār al-Islām*” di Semenanjung Arab

Islam telah mewajibkan supaya Semenanjung Arab menjadi negeri agama Islam yang utama, lalu dihancurkan leburkan segala apa yang merupakan *shirk* (syirik) di dalamnya menurut cara yang kami jelaskan di dalam *Tafsīr al-Manār* dan juga yang kami jelaskan di dalam tafsir Surah al-Anfāl tentang hadis-hadis Nabī yang berhubung dengannya, yang terutama sekali hadis-hadis yang menjelaskan wasiat Rasulullah (S.A.W.) di dalam masa baginda sedang gering pada ketika akhir hayatnya, iaitu hendaklah dikeluarkan kaum Yahudi dan Naṣārā dari Semenanjung Arab, dan bahawa tidak boleh dibiarkan dua agama ini tinggal berjalan dan diamalkan di Semenanjung itu. Imam Shāfi‘ī, *raḍīya Allāhu ‘anhu*, di dalam kitabnya “*al-Umm*” telah berterus-terang menerangkan, bahawa pelabuhan-pelabuhan dan tempat-tempat yang terletak di tepi laut negeri Ḥijjāz serta pulau-pulau yang terletak dalam kawasannya adalah hukumnya ialah hukum tanah negeri Ḥijjāz itu sendiri, maka tidak dibolehkan sama sekali bagi *Khalīfah al-Muslimīn* dan ketua pemerintahan mereka membiarkan atau memberi peluang kepada orang-orang yang bukan Islam tinggal berniaga atau lainnya di dalam negeri itu dan seluruh kawasannya. Hikmah hukum Islam yang tersebut telah terserlah bagi umat Islam pada zaman ini, yang tidak terlintas di hati kerajaan-kerajaan mereka yang kuat pada masa yang lalu, yang buat-buat lupa dan tidak dapat melaksanakan wasiat Rasulullah (S.A.W.), sehingga mereka tergamak

¹ Hieroglyph. Penambahan huruf ya-ha di hujung tidak pasti merujuk kepada Hieroglyphic atau Hieroglyphist. Perkataan pertama tidak padan dari segi ejaan dan perkataan kedua tidak kena pada konteks ayat.

membiarkan dan membolehkan kafir-kafir Kistābī tinggal bermastautin di setengah-tengah tempat di Semenanjung Arab, misalnya di negeri Yaman, dan membiarkan setengahnya tinggal di Jeddah yang terletak dalam kawasan negeri Hījjāz.

Undang-undang Sedunia

Demikian juga telah terserlah nyata bagi umat Islam bahawa asas percaturan siasah yang telah disepakati dan diamalkan oleh segala kerajaan dunia ialah tiap-tiap umat berhak melindungi tanah airnya dengan sempadan-sempadannya yang semula jadi dan yang diiktiraf oleh dunia, serta kawasan –kawasan yang terhitung menjadi benteng baginya, baik dari pantai-pantainya atau jalan lautanya² yang menyalurkan perniagaannya dan memperhubungkannya dengan dunia luar. Dan bahawa peperangan yang berbangkit disebabkan soal perlindungan dan pertahanan ini adalah menjadi hak yang adil, dan diakui oleh undang-undang dunia. Yang demikian ini tidak melanggar tata tertib yang mulia dan hak-hak kemanusiaan, bahkan menjadi penyokongnya.

Amalan Penjajah

Kuasa-kuasa penjajah mensifatkan negeri-negeri yang telah dijajah itu sebagai watan umatnya sendiri, dan memandang dirinya berhak melindunginya dan mempertahankannya, sebagaimana yang dilakukan oleh Inggeris mencero boh hak kedaulatan Mesir dan Sudan (dalam tahun 1882 dahulu – P.), dan sebagaimana langkahnya mencero boh Aden terlebih dahulu daripada itu, dan seterusnya dia selepas itu telah mencero boh negeri-negeri Iraq, Palestin dan Sharq al-Urdun (Jordan), lalu perasaan tamaknya melarat kepada negeri Hījjāz sendiri, yang menjadi Pusat Semenanjung Arab dari segi kebendaan, dan pusat Islam menurut keadaannya yang secara maknawi, iaitu dengan langkah Inggeris (pada 40 tahun yang lalu – P.) menjadikan pelabuhannya (al-‘Aqabah) yang mempunyai kedudukan penting dari segi peperangan dan geografinya. Dan menjadikan Bandar Ma‘ān, salah sebuah bandarnya lagi yang tidak kurang pentingnya, kerana letaknya memperhubungkan jalan kereta api Hījjāz, iaitu dimasukkan dalam kawasan Sharq al-Urdun yang dinaunginya. Tak usah disebut jalan kereta api yang bertentang dari sempadan negeri Hījjāz ke Bandar Haifa. Dengan langkahnya ini, Inggeris telah

mencero boh kehormatan Tanah Suci negeri Hījjāz, dan dengan itu juga menjadilah kedua-dua buah masjid – Masjid *Bayt Allāh al-Harām* di Makkah dan Masjid Nabī di Madinah – terletak dibawah belas kasihan kerajaan penjajah yang ceroboh ini, baik dari arah laut atau dari darat, dan menjadilah kawasan kecil ini, yang masih berbaki dari negara *Dār al-Islām* yang utama menurut agama dan siasah, terletak di dalam bahaya. Kalau kuasa penjajah yang ceroboh ini berjaya rancangannya itu maka dia akan merentangkan sebatang jalan kereta api – yang pada zahirnya berdasarkan perniagaan dan pada batinnya berdasarkan ketenteraan – dari pelabuhan al-‘Aqabah di negeri Hījjāz santak ke negeri Iraq, dan kemudiannya apabila ada peluang untuk ke Tanah Suci itu, Inggeris akan berkata: Bahawa wujudnya kekuatan Islam di dalamnya adalah membahayakan keselamatan jalan kereta api British itu dan tidak ada jalan bagi menjaga keselamatannya melainkan dengan melenyapkan tiap-tiap kekuatan Islam dan ketenteraan Arab dari seluruh negeri Hījjāz atau menjadikan askar-askar dan mata-mata yang menjaga keamanan Tanah Suci terletak di bawah kuasanya.

Menjadikan Yahudi Anak Emas

Kalau di negeri Hījjāz ada penduduk yang bukan Islam, sudah barang tentu Inggeris akan membuka sebuah pintu bagi dirinya untuk masuk campur dalam urusan kerajaan negeri itu dengan alasan hendak melindungi penduduk-penduduk yang bukan Islam ini, terutama dari orang-orang Kristian, seperti yang telah dilakukannya di negeri Mesir, dan seperti langkahnya memberikan hak kepada kaum Yahudi untuk mendirikan watan Yahudi di Palestin, dengan diperlindungi bahkan diberi bantuan dengan mengecewakan bangsa Arab anak negeri Palestin yang kebanyakannya beragama Islam, dan sebagaimana dia (Inggeris) telah mewujudkan puak kecil di negeri Iraq dari saki-baki keturunan Ashūwiriyyīn (kaum Kurdi – P.). Kalau Inggeris berjaya menjajah Wilayah al-‘Aqabah dan Ma‘ān dari negeri Hījjāz maka dia akan menjadikan kebanyakan yang menjadi tuan-tuan tanah di dalam wilayah-wilayah itu ialah dari orang-orang Inggeris Yahudi dan Naṣāra, sampai dia berhak menjalankan pemerintahannya. Dan sudah tentu perlindungan yang diberikan

²Kesilapan teks. Sebetulnya ‘lautannya’

kepada wilayah-wilayah itu ialah untuk melindungi penduduk-penduduk yang tersebut, selain daripada perlindungannya kepada wilayah itu dan jalan keretapinya serta yang berhubung dengannya, baik yang bertali dengan maslahat-maslahat iktisad ataupun siasah, yakni wilayah yang besar ini yang terletak dalam negeri Hijjāz, tanah air Islam dan Arab, adalah ditakuti akan terlucut dari negeri Hijjāz dengan alasan bahawa negeri Hijjāz itu sebuah negeri Arab atau sebuah negeri Islam, seperti yang didakwakan pada hari ini di Palestin.

Saya katakan kalau berjaya Inggeris mencapai rancangan-rancangannya itu, kerana yang sebenarnya dia tidak akan berjaya mencapainya (dan tidak sekali-kali akan jaya *in shā'a Allāh*), kerana Raja – Ibn Sa'ūd – Raja Hijjāz dan Najd telah membantah rancangan hendak memasukkan pelabuhan al-'Aqabah dan segala kawasannya dalam pemerintahan Sharq al-Urdun. Mukhtar Alim Ulama Islam yang telah bersidang di Makkah al-Mukaramah dalam tahun 1344 telah mengambil keputusan dengan sebulat suara membantah rancangan yang tersebut, bahkan sebaliknya mendesak supaya menjadikan pelabuhan al-'Aqabah kekal seperti sediakala terletak dalam negeri Hijjāz, dan juga mendesak supaya al-Malik Ibn Sa'ūd menuntut kerajaan Inggeris supaya mengembalikannya semula kepada negeri Hijjāz, dengan menjalankan segala cara dan jalan yang boleh membawa kepada tercapainya maksud itu, bahkan diwajibkan seluruh alam Islami menuntunya.

Kewajipan Umat Islam Berjuang

Inilah kesimpulan yang sedang diperbincangkan oleh alim ulama dan bijak pandai Islam mengenai hukum syarak dan pendapat-pendapat siasah dalam soal “*Dār al-Islām*” dan pemerintahan Islam serta yang berhubung dengannya, seperti jawatan *Khalīfah al-Muslimīn* dan perkara yang wajib atas alam Islami bertindak melakukannya, jika tidak nescaya sekalian umat Islam akan menjadi berdosa dan menderhaka kepada Allah Ta'ālā dan layak menerima azab di akhirat, sebagaimana mereka telah ditimpa azab di dunia dengan penghinaan dan penderitaan, dengan hilangnya kuasa dan kemerdekaan, yang telah meliputi seluruh umat Islam, dikecualikan jumlah yang kecil ini, yang masih berbaki, dari umat Arab dan 'Ajam, yang sekarang sedang terdedah kepada bahaya. Tindakan

dan usaha ikhtiar yang demikian wajibnya, tidaklah akan diharap berjaya melainkan dengan suatu peraturan yang rapi dan secara diam, yang mesti pula dihitung masa menjalankannya dan persediaan rakyat Islam yang berbagai-bagai corak pemerintahannya dan berbagai-bagai pula faham dan alirannya. Dan yang semestinya pula dijalankan oleh *jam 'iyyah-jam 'iyyah* agama persatuan-persatuan siasah, dan badan-badan kebajikan yang akan menumpukan kesemua tenaganya kepada tujuan yang satu itu.

Keselamatan Tanah Suci

Adapun urusan yang diusahakan dengan berterus terang dan yang wajib atas alam Islami pada amnya menjalankannya sebelum perkara-perkara yang lain ialah memelihara negeri Hijjāz dari pengaruh-pengaruh kuasa-kuasa asing yang membahayakannya disebabkan tindakan Inggeris dan Perancis mengambil jalan kereta api Hijjāz, dan penyatuan pelabuhan al-'Aqabah dan bandar Ma'ān dengan negeri Jordan yang terletak di bawah naungan Inggeris. Bahkan wajib atas tiap-tiap seorang Muslim berusaha dengan sedaya upaya dalam perkara ini, baik dengan amalan yang secara langsung ataupun sebaliknya, baik dengan bertindak seorang diri ataupun beramai-ramai. Di antara langkah-langkah yang mesti dilakukan ialah memutuskan perhubungan perniagaan dan lain-lainnya, selain daripada menjalankan dakyah untuk mencapai maksud tersebut. Jelasnya adalah menjadi wajib atas tiap-tiap seorang Muslim memulakan perjuangan jihad yang diperintahkan oleh Islam, yang terdiri daripada tiga perkara seperti yang telah lalu, iaitu dengan kata-kata, harta benda dan nyawa sekadar yang boleh dilakukan, dan dengan menghebahkan dakyah di merata-rata tempat untuk mencapai maksud tersebut.

Umat Islam – Suatu Umat Yang Besar

Menurut penyiasan³ bahawa jumlah bilangan umat Islam telah mencapai empat ratus juta atau lebih. Adakah umat Islam yang demikian besarnya dan yang mempunyai negeri-negeri yang lebih luas daripada benua Eropah, reda menjadi lebih hina dan lebih pengecut daripada kaum Yahudi *Ṣahyūniyy* (Zionist) yang tidak sampai satu peratus dengan jumlah mereka, sedang mereka melihat kaum Yahudi mara dengan berbagai usaha ikhtiar hendak merampas Palestin dari tangan mereka? Selain daripada itu mereka melihat

³ Kesalahan ejaan teks. Perkataan sebenar 'penyiasatan'.

Bayt al-Harām dan Masjid Nabī (S.A.W.) di Madinah sedang terletak di dalam bahaya sesudah Masjid al-Aqṣā telah diperkosa kehormatannya dan tanah-tanah suci ini mulai dilapah-lapah dan jalan kereta api yang tunggal yang menghubungkan tanah-tanah suci itu sesama sendiri itu dirampas.

Semuanya telah berlaku, sedang umat Islam masih mendiamkan diri, padahal agama mereka mewajibkan mereka berjuang untuk mengembalikan “*Dār al-Islām*” dan menegakkan hukum Islam di dalamnya, seperti yang telah berjalan pada zamannya yang lalu. Apa yang mereka takuti? Dan apa benda yang mereka sayangi? Dan kerana apa mereka hidup?

Angkara Pemimpin-pemimpin Yang Khianat

Perjuangan umat Islam di dalam peperangan dunia yang baharu lalu itu adalah menjadi bukti tentang bagaimana mereka tampil berperang kerana membela kepentingan kuasa-kuasa penjajah yang memperhamba dan meghinakan mereka, demikian pula pemberontakan Arab (yang dipimpin oleh Sharīf Hussayn) di Hijāz dalam masa peperangan dunia yang pertama, dan pemberontakan-pemberontakan Mesir, Iraq, Sūryā, Morocco sesudah perang dunia yang pertama semuanya menjadi bukti bahawa mereka masih lebih gagah berani daripada umat-umat yang lain, dan lebih tidak mementingkan kesenangan dan kemewahan dunia, terutamanya orang Arab sendiri, hanyasanya yang menyebabkan bala bencana yang telah menimpa mereka ialah angkara pemimpin-pemimpin dan khianat ketua-ketua pemerintahan mereka serta kejahatan rakyat yang terbanyak. Sekarang tiba masanya bagi si jahil itu mengetahui, dan si fasik itu memperbaiki tingkah lakunya serta si pengkhianat itu bertaubat atau dibunuh dan dimusnahkan.

Menungkanlah Firman Allah yang Maha Gagah

Wahai umat Islam menungkanlah firman Tuhan kamu yang Maha Gagah lagi Maha Kuasa, yang Maha Pembantu lagi Maha Penolong, yang Maha Tinggi lagi Maha Besar, iaitu:


Wa kāna haqqan ‘alaynā naṣru al-mu‘minīn. In tanṣurū Allāha yanṣurkum wa yuthabbit aqdāmakum. Innā lananṣuru rusulanā wa al-ladhīna āmanū fi al-ḥayāti al-dunyā wa yawma yaqūmu al-ashhād. Wa lan yaj‘al Allahu li al-kāfirīna ‘alā al-mu‘minīna sabīlā. Wa lan yukhlifa Allahu wa‘dah.

Ertinya: “Adalah menjadi hak atas Kami (Tuhan) menolong orang-orang yang beriman. Jika kamu menolong (agama) Allah nescaya Allah akan menolong kamu dan menetapkan perdirian kamu. Kami menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia dan pada hari (yang di dalamnya segala makhluk yang mati) dibangkitkan semula menyaksikannya. Allah tidak sekali-kali akan memberikan peluang bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang yang beriman. Allah tidak sekali-kali mengubah janjinya.”

Tetapi kamulah – wahai umat Islam – telah mencabuli perjanjian Allah.

Fatūbū ilā Allāhi jamī‘an ayyuhā al-mu‘minūna la‘allakum tufihūn. Wa lā tahnū wa lā taḥzanū wa antumu al-a‘lawna in kuntum mu‘minīn.

“Maka bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman mudah-mudahan kamu berjaya. Dan janganlah kamu berasa hina dan jangan berdukacita. Kamulah orang-orang yang tertinggi jika kamu sebenar-benarnya beriman!”



Kira-kira 10 ribu umat Islam di Kuala Lumpur sedang berhimpun di Stadium Merdeka kerana merayakan

Hari Keputeraan Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* yang telah mengasaskan negara Islam yang

maju, adil dan makmur.